

SOALAN NO: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA

TARIKH: 31 OKTOBER 2017

SOALAN:

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah pelajar yang diambil melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran dan berapakah peruntukan yang dikeluarkan dari tahun 2010 hingga 2017.

PR-1353-L03940

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Sejak tahun 2010 sehingga Ogos 2017 sejumlah 775,457 Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) telah dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang merangkumi SKM 1, seramai 240,385, SKM 2, seramai 298,797, dan SKM 3, seramai 195,084. Manakala Diploma Kemahiran Malaysia (DKM 4), seramai 37,050 dan Diploma Lanjut Kemahiran Malaysia (DLKM) seramai 4,141 pelatih.

2. Walau bagaimanapun sejak mula diperkenalkan dalam tahun 2010, jumlah keseluruhan SKM yang di keluarkan oleh JPK, KSM adalah sebanyak 1,639,529. Jumlah ini terdiri daripada 641,368 SKM Tahap 1, 649,080 SKM Tahap 2, 296,684 SKM Tahap 3, 48,068 DKM Tahap dan 4,329 DLKM.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) berperanan bagi menyokong dan membantu negara melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir melalui pinjaman latihan kemahiran (PLK) kepada pelatih yang berkelayakan.

4. PTPK telah memperuntukkan sebanyak RM1.61 billion untuk memberikan Pinjaman Latihan Kemahiran (PLK) di bawah Program

109.

Dana Latihan Berterusan kepada 113,592 orang pelatih di sepanjang Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) (tahun 2011 hingga 2015).

5. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) pula, PTPK telah meluluskan sebanyak RM219.96 juta untuk memberikan PLK di bawah Program Dana Pinjaman TVET kepada 16,949 orang pelatih pada tahun 2016 dan sebanyak RM197.38 juta kepada 15,500 orang pelatih sehingga Ogos 2017.

6. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, PTPK akan menerima peruntukan wang pembangunan sebanyak RM1 bilion iaitu RM200 juta setiap tahun di bawah Dana Pinjaman TVET sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11). Dianggarkan seramai 66,700 orang pelatih akan dapat dibiayai dan menerima manfaat daripada PLK yang diberikan sepanjang RMKe-11 ini di dalam usaha untuk mencapai 35 peratus tenaga kerja mahir menjelang tahun 2020.